

Kisah pengorbanan Shahrol sentuh hati warga UMP

# Kutip tin sara lima adik

Kosmo (NEGERA) 27 JUN 2015 M/S G

Oleh IKHWAN IDERIS

**KUANTAN** - Seorang remaja, Mohamad Shahrol Rostam, 17, terpaksa meninggalkan alam persekolahan untuk mengutip tin dan barangan terpakai sejak tiga tahun lalu demi membesarkan lima orang adiknya.

Shahrol yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Jaya Gading di sini terpaksa menggalas tanggungjawab membantu ibunya, Sharifah Noraini Syed Yaman Aziz, 35, selepas kematian ayahnya tiga tahun lalu.

Menurut Shahrol, sebagai anak suhng, walaupun ketika itu dia baru berusia 14 tahun dan sedang belajar di Tingkatan 2, dia nekad berkorban berhenti sekolah memandangkan ibunya juga tidak mempunyai pekerjaan tetap.

"Selepas ayah meninggal dunia akibat alergi makanan, kami hilang tempat bergantung. Melihat lima orang adik-



SHAHROL (kanan) bersama adik dan sepupunya bersyukur menerima sumbangan bekalan makanan dan baju raya sempena Ramadan daripada UMP di rumah mereka di PPRT Jaya Gading, Kuantan semalam.

adik yang masih kecil, saya keluar mengutip tin dan barang terpakai setiap hari sejak tiga tahun lepas.

"Walaupun pendapatan yang diperoleh tidak tinggi hanya sekitar RM20 hingga RM30 sehari, tapi syukur

selurang-kurang saya dapat meringankan beban ibu. Adik saya, Mohamad Khalrol, 11, pun kadang-kadang membantu saya mengutip tin," cerita Shahrol kepada pemberita semalam.

Keluarga Shahrol adalah



antara 11 penerima bantuan daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP) sempena program Jejak Asnaf Fakir Miskin yang dijalankan institusi tersebut sempena Ramadan.

Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan UMP, Dr. Mahyuddin Ismail berkata, kisah kepayahan hidup Shahrol yang menyentuh hati diketahu UMP selepas gambar dia dan adiknya, Khalrol sedang mengutip tin di sekitar Jaya Gading di sini tersebar di laman sosial.

"Melalui program ini UMP memberi sumbangan keperluan asas seperti bantuan bekalan makanan dan baju raya supaya penerima dapat turut sama merasai kegembiraan menjelang Syawal," katanya.